

Headline	THT guna 100 peratus pemain tempatan saingan MHL 2024		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	139 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,285		



THT guna 100 peratus pemain tempatan saingan MHL 2024

KUALA LUMPUR: Terengganu memasang impian untuk mela-kar hatrik menjulang Piala Piala Sumbangsih Kejohanan Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2024.

Skuad kendalian Mohd. Harfizi Baharom itu akan menentang pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam aksi Piala Sumbangsih pada 7 Februari ini.

Mohd. Harfizi berkata, biar-pun mengharungi saingan MHL 2024 dengan 100 peratus pe-

main tempatan musim ini, beliau yakin mampu merealisasikan impian berkenaan.

“Musim ini, kita akan guna 100 peratus pemain tempatan.

“Kita fokus membangunkan pemain tempatan dan beri peluang kepada pemain remaja bersaing dengan senior.” katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Sementara itu, jurulatih TNB iaitu Nor Saiful Zaini Nasiruddin berkata, pihaknya telah melaku-

kan pembelian yang terbaik untuk menguatkan pasukan.

“Tahun ini ada sedikit perbezaan. Dua bekas pemain kita dah kembali iaitu Shello dan Marhan. Malah tahun ini juga kita ambil pemain dari Korea Selatan, Jang Jong-Hyun.

“Malah kita juga sudah kumpul hampir kesemua pemain dan saya rasa kami sudah bersedia Piala Sumbangsih,” katanya.